



جامعة العلوم الإسلامية بماليزيا
ISLAMIC UNIVERSITY COLLEGE OF MALAYSIA

SEMINAR KEBATINAN SERANTAU

KRISIS PEMIKIRAN UMAT ISLAM KINI

oleh:

**Y. Bhg. Dato' Dr. Ismail Ibrahim
(IKIM)**

Anjuran :

**Kolej Universiti Islam Malaysia
(KUIM)**

Dengan Kerjasama:

**Yayasan Taqwa Wilayah
Persekutuan Bhd.**

Pada:

15-16 September 2000



KRISIS PEMIKIRAN UMAT ISLAM KINI

Oleh

Dato' Dr. Ismail bin Haji Ibrahim
Ketua Pengarah
Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)
e-mel: ismail@ikim.gov.my

Persidangan Kumpulan D8 yang terakhir iaitu yang mewakili sebahagian kecil negara Islam, termasuk Malaysia, menyaksikan berbagai-bagai idea dan masalah yang dihadapi dunia Islam kini, yang seharusnya diselesaikan dengan sebaik-baiknya sekiranya dunia Islam ingin bersaing dan sama-sama melangkah ke hadapan dengan dunia lain.

Dari segi pembangunan pelajaran dan ilmu pengetahuan, termasuk pembangunan teknologi moden, negara Islam berada dalam peringkat yang kritikal. Peratusan kejahilan dan buta huruf mengikut statistik yang pernah dikeluarkan, adalah masih tinggi, kadar kemiskinan dan pengangguran juga berada di tahap yang serius. Kekayaan bumi Islam masih dimanfaatkan dengan sebanyak-banyaknya oleh kuasa asing, terutamanya dari negara-negara maju, kerana negara Islam ketinggalan dalam bidang teknologi moden, dan tidak menguasai kepakaran dalam bidang ini.

Kegawatan politik di negara-negara Islam kerana politik domestik dan tekanan serta serangan dari kuasa penjajah luar juga amat ketara. Isu sekatan ekonomi kepada beberapa buah negara Islam kerana masalah-masalah tertentu masih berpanjangan. Isu Lockerby yang melibatkan negara Libya, kawasan bebas terbang di Iraq, kuasa pemerintahan sendiri Palestin dan isu-isu lain yang serupa, merupakan duri dalam daging bagi negara-negara Islam yang terus menerus mengakibatkan ketidakstabilan politik dan



ekonomi negara-negara tersebut, dan seterusnya menambahkan derita rakyat. Keadaan ini juga menyebabkan terbantutnya pembangunan pendidikan dan kebajikan rakyat umum yang tidak berdosa, sedangkan yang mendapatkan keuntungannya ialah kuasa besar penjajahan dan beberapa kerat pimpinan negara berkenaan untuk memenuhi kepuasan hati sendiri.

Kalau ditinjau secara rambang sahaja, mungkin tidak sebuah pun negara Islam yang tidak mengalami masalah ekonomi dan politik domestik, atau keadaan dalaman yang menggugat kestabilan negara dan rakyat. Pertumpahan darah dan pembunuhan misteri yang berlaku di Algeria, pergerakan yang bersifat ganas di beberapa buah negara Asia Barat, pembunuhan yang berlaku kerana perselisihan mazhab sesama Islam atau kerana perbezaan etnik dan agama seperti yang berlaku di Pakistan dan Indonesia, dan berbagai masalah dalaman lain yang menyebabkan terbantutnya pertumbuhan ekonomi dan sosial, dan lebih banyak melibatkan tenaga dan usaha kerajaan untuk mengatasinya, maka semuanya ini meletakkan negara Islam amat jauh di belakang dalam cita-cita mereka untuk mengejar dan bersaing dengan negara-negara maju.

Malaysia yang selama ini agak terkehadapan dalam berbagai-bagai arena, politik, ekonomi, ilmu pengetahuan, teknologi dan lain-lain, mulai diheret ke dalam kancah kegawatan dan kemelut ketidakstabilan. Serangan ekonomi dan politik yang dihalakan secara berterusan terhadap negara kita sekian lama, telah menampakkan akibatnya yang mungkin amat menggembirakan dan memberi kepuasan kepada kuasa penjajahan baru yang ingin melihat negara-negara Islam terus mundur dan mengalami kegawatan dalam berbagai-bagai bidang.

Maka dalam keadaan dan situasi ini, persoalan yang harus dipecahkan telah disentuh dan coba digambarkan dengan jelasnya oleh Kumpulan D8 yang telah mengeluarkan resolusinya berikutan persidangannya di Bangladesh tempoh hari.

Sumber sejarah banyak mengajar kita orang-orang Islam untuk mencapai kemajuan dan kestabilan, seterusnya dengan kestabilan dan kemajuan itu, umat Islam akan menjadi kuat dan kukuh. Kita semua mengetahui ketika Rasulullah S.A.W. berhijrah ke Madinah, perkara pertama yang dilakukan terhadap penyatuan dan kekuatan ummah ini, ialah melaksanakan sistem 'persaudaraan' atau "muakhat" di antara orang yang berhijrah bersama baginda (muhajirin) dan umat Islam di Madinah (ansar).

Sistem persaudaraan ini melibatkan ciri-ciri pembangunan ekonomi dan politik yang bersifat global. Mengikut sumber sejarah, orang-orang yang datang dari Mekah mempunyai kepakaran dalam bidang perniagaan, sedangkan orang-orang Madinah pula mempunyai kepakaran dalam bidang pertanian dan ukiran tangan. Kedua-dua unsur kemahiran ini telah digabungkan oleh para muhajirin dan ansar untuk memulai satu pembangunan ekonomi yang mantap bagi sebuah negara Islam yang baru dibangunkan. Perniagaan memerlukan modal, maka orang-orang muhajirin yang menyertai Rasulullah yang terpaksa meninggalkan harta kekayaan mereka di Mekah, memerlukan pertolongan para ansar untuk memulakan perniagaan mereka, di samping mengatasi masalah tempat berniaga dan tempat tinggal.

Maka dalam keadaan inilah pelaksanaan konsep persaudaraan atau "muakhat" di antara dua kumpulan ini menjelma menjadi satu perjanjian yang praktikal, bukan hanya untuk makan minum seharian, tetapi dalam menyusun

strategi pembangunan ekonomi dan sosial dalam negara untuk bersaing dan seboleh-bolehnya mengatasi kemajuan yang telah dicapai oleh golongan Quraisy dari Mekah.

Satu hal yang ditekankan oleh Rasulullah S.A.W. di Madinah ialah penguasaan ilmu yang dimulai di masjid yang baginda dirikan di Qubak. Baginda menguatkan hati nurani dan kerohanian manusia dengan iman dan taqwa, di samping tidak melupakan ilmu keduniaan yang diserahkan kepada para sahabatnya untuk bertukar-tukar pengetahuan dan kepakaran, seperti yang pernah ditegaskannya kepada para sahabatnya untuk berjihad sendiri tentang perkara keduniaan mereka ketika para sahabat berbincang dengan baginda tentang cara mengahwinkan pokok tamar.

Saya rasa kalau orang Islam lebih mengutamakan kesepaduan dan persamaan objektif dan matlamat di dunia dan akhirat, dengan menekankan segala penyusunan strategi dan agenda berdasarkan ilmu pengetahuan dan keikhlasan hati, maka mungkin umat Islam tidak mengalami krisis seperti sekarang. Krisis pemikiran dan intelektual yang kita hadapi sekarang seolah-olah lebih menguatkan agenda musuh Islam untuk menguasai dunia Islam di bawah telunjuk mereka. Kalau orang Islam mementingkan ilmu pengetahuan dan mempunyai visi global, maka mungkin segala masalah titik bengik dan isu sampingan seperti perselisihan mazhab feqah dan kefahaman yang tertentu, isu sama ada kita ini sekular atau tidak, isu pentafsiran keadilan dan kezaliman, dapat diselesaikan dengan penuh bijaksana, tanpa mulai meretakan kesatuan matlamat dan kesepaduan perjuangan ummah keseluruhannya.

Kita merasa bimbang bahawa pemikiran umat Islam di negara kita, sama seperti yang dialami oleh negara-negara Islam yang lain, sedang

berkecamuk dengan berbagai-bagai fatwa dan ajaran yang memberi gambaran bahawa gerakan Islam oleh beberapa golongan yang tertentu itu sahaja yang benar-benar Islam.

Golongan ini cuba memberi gambaran kepada masyarakat Islam, bahawa golongan mereka sahajalah yang berjuang dan menjalankan agenda Islam seperti yang dilakukan oleh Rasulullah S.A.W. berdasarkan al-Quran dan Sunnah yang membawa para pengikutnya memasuki syurga. Perjuangan golongan ini dihubungkan dengan perjuangan jihad yang suci sebagai jihad kerana agama, sedangkan perjuangan dan aktiviti golongan lain tidak termasuk dalam jihad dan perjuangan kerana agama, malah gerakan golongan lain adalah gerakan tidak Islam yang tidak membawa kepada jalan Allah S.W.T.

Saya rasa sekiranya terdapat niat yang ikhlas untuk berjuang kerana agama di kalangan umat Islam disertai pula oleh pelaksanaan yang bersungguh-sungguh untuk memantapkan ajaran agama itu supaya menjadi amalan masyarakat di segala peringkat dan di segenap sudut, maka kita harus menghargai keikhlasan dan kesungguhan itu tidak kira dari golongan mana dan oleh sesiapa sahaja, kerana perjuangan menegakkan Islam dan memartabatkannya tidaklah terletak di atas bahu golongan tertentu di kalangan kumpulan tertentu sahaja.

Rasulullah S.A.W. bersabda yang bermaksud:

Bahawa Allah S.W.T. tidak melihat kepada rupa dan harta benda kamu, tetapi Dia melihat kepada amalan dan hati kamu.

Maksudnya bahawa segala penilaian dan ganjaran baik buruk yang akan dihitung oleh Allah S.W.T. bagi manusia bukanlah terletak kepada unsur-unsur lahiriah, jenama atau nama kumpulan yang tertentu, tetapi perhitungan Allah tentang manusia ialah terhadap amalan dan niatnya, terhadap usaha dan kerjaya yang dilakukan oleh manusia itu sama ada ianya sejajar dengan suruhan agama atau sebaliknya.

Oleh itu amatlah merbahaya dalam keadaan kegawatan pemikiran dan kejahilan umat Islam pada masa ini sekiranya terdapat golongan tertentu yang mendakwa dirinya sahaja sebagai ketua atau pejuang Islam dan sesiapa yang mengikutinya maka mereka itulah sahaja yang bergerak kerana Allah dan agama. Ajaran seperti ini kadang-kadang menjelma menjadi ajaran sesat yang mendapat pengikut yang banyak, kerana mereka hanya mengharapkan keredaan Allah dan mencari jalan untuk ke syurga pada hari akhirat nanti.

Masyarakat Islam pada masa kini hasil dari kebangkitan Islam beberapa dekad yang lalu, dan kesedaran beragama yang menyeluruh di merata dunia, memang amat ghairah untuk kembali kepada Islam dan kembali menghayati segala ajaran dan nilainya. Mereka mencari-cari jalan yang dapat membawa mereka kepada cara hidup yang mendekatkan mereka dengan ajaran Islam untuk mencapai keredaan Allah S.W.T. dan mendapat ganjaran syurga pada hari akhirat nanti. Keimanan mereka semakin meningkat dan usaha mereka untuk melaksanakan suruhan Allah dalam segala sudut kehidupan mereka menjadi semakin bertambah, sehingga dengan itu mereka akan berusaha mencari bekalan dan pengetahuan tentang Islam dari mana-mana sumber sahaja. Maka pada ketika inilah mereka amat menyanjung tinggi usaha orang-orang yang dapat memberi ilmu pengetahuan Islam kepada mereka dan terus berguru kepada orang-orang yang mereka anggap sebagai alim ulamak.

Bagaimanapun kita tidak mempersoalkan tentang keilmuan agama yang ada di kalangan para sarjana kita sekiranya mereka benar-benar ikhlas dan amanah dalam menyampaikan ajaran dan panduan kepada saudara seagamanya. Malah hal itu tidak perlu dipertikaikan lagi sekiranya para bijak pandai agama kita benar-benar sedar bahawa amanahnya di dunia ini ialah untuk menyampaikan ajarannya tanpa dipengaruhi oleh sesuatu sentimen atau perasaan fanatik kepada mana-mana pihak yang tertentu.

Namun begitu janji-janji syurga dan ganjaran Allah yang baik kepada umat manusia, bukanlah boleh dibuat oleh manusia atas nama individu atau kumpulan yang tertentu. Hal ini terserah sepenuhnya kepada Allah S.W.T. untuk menentukannya. Para sarjana dan bijak pandai agama Islam bukanlah seperti paderi yang secara tidak tepat mengakui diri mereka sebagai orang yang dapat menerima taubat dan menyampaikan permintaan orang lain kepada Tuhan secara langsung. Islam tidak mempunyai sistem orang perantaraan di antara manusia dan Tuhan. Semua manusia akan berdiri sama rata di hadapan Allah S.W.T. dengan bekalan amalan masing-masing.

Firman Allah S.W.T.:

Dan janganlah kamu iri hati terhadap apa yang dikurniakan oleh Allah kepada sebahagian kamu lebih banyak dari sebahagian yang lain. (Kerana) bagi lelaki ada bahagian dari apa yang mereka usahakan, dan bagi wanita ada bahagian dari yang mereka usahakan. (Al-Nisa', ayat 32)

Oleh itu adalah amat mengelirukan sekiranya umat Islam dijanjikan syurga dan ganjaran baik dari Allah S.W.T. semata-mata kerana menjadi ahli

atau menyokong sesuatu organisasi yang tertentu di dunia ini. Sebaliknya dijanjikan neraka dan balasan buruk dari Allah kepada orang-orang yang menyertai organisasi yang lain, walaupun organisasi atau pertubuhan itu adalah sama-sama didukung oleh orang Islam dan sama-sama mempunyai niat untuk berjuang kerana Islam, malah telah menunjukkan usaha yang konkrit membangunkan Islam dengan bersungguh-sungguh secara praktikal.

Ramai orang Islam kini yang benar-benar ikhlas untuk mendapatkan keredaan Allah S.W.T. dan yang mahu menghayati Islam di dalam semua aspek kehidupannya yang telah terpengaruh dengan kata-kata manis yang ditaburkan bahawa untuk mendekatkan diri kepada Allah S.W.T. dan untuk perjuangan kerana Allah, maka sertailah pertubuhan yang tertentu. Jaminan ini diberikan dengan penuh yakin seolah-olah janji syurga dan akhirat ini telah ditentukan secara hitam putih sejak di dunia ini lagi. Yang kita tahu di antara orang-orang yang dijanjikan syurga ialah sepuluh orang para sahabat Rasulullah S.A.W.

Dengan menonjolkan diri sebagai pejuang agama, maka dalam masa yang sama orang ini akan menyifatkan semua golongan lain sebagai tidak Islam dan tidak beragama. Hal ini seperti yang telah disebutkan di atas adalah merupakan satu pencemaran pemikiran yang amat mengelirukan masyarakat Islam, terutamanya golongan yang kurang ilmu keislamannya dan golongan yang sering mencari-cari jalan singkat ke syurga kerana kejahilan mereka. Mungkin mereka ini merupakan orang-orang yang tidak bersalah, kerana mereka memang ingin kembali kepada agama, tetapi yang bersalah ialah para bijak pandai yang mempengaruhi mereka secara amat dangkal dan murah itu iaitu yang mendakwa bahawa perjuangan mereka sahajalah yang merupakan perjuangan kerana agama, kerana Allah dan hari akhirat, sedangkan perjuangan orang lain adalah perjuangan kafir, sekular dan

sebagainya. Maka ketika ini siapakah yang hendak kita salahkan sekiranya masyarakat Islam akan terus menerus kebingungan dan sentiasa berada dalam kekeliruan, kejahilan dan sebagainya. Siapakah yang bersalah sekiranya generasi muda Islam masa kini dan akan datang tiba-tiba muncul sebagai golongan Islam yang sempit ufuk pemikirannya, menjadi fanatik melulu dan tidak dapat menerima pandangan orang lain secara terbuka dan penuh ilmu. Kalau demikianlah keadaannya maka inilah tandanya umat Islam makin mengundur ke belakang, bukan maju ke hadapan bersama-sama kedatangan abad dan alaf baru.

Kekeliruan pemikiran di dalam masyarakat kita dan berikutan dari kegawatan ekonomi dan politik serta sosial di dalam negara kita, maka banyak buku, risalah dan tulisan diterbitkan dalam pasaran dan dipamerkan di para-para buku di kedai dan di perpustakaan, komen dan pandangan serta analisis yang dibuat terutamanya di dada akhbar dan majalah, malah amat banyak pula yang tersiar di dalam internet. Di antara tajuk yang paling banyak dibicarakan ialah tajuk agama dan politik yang melibatkan pandangan-pandangan tentang agama dan politik.

Keghairahan masyarakat membicarakan isu agama dan politik ini nampaknya begitu tinggi sekali, dan melibatkan sebahagian besar kalangan masyarakat Islam yang turut membicarakannya dengan penuh minat. Bagaimanapun sekiranya diperiksa dengan teliti maka kelihatan amat kecil sekali sumbangan idea dan pemikiran dalam isu-isu agama dan politik ini yang benar-benar serius dan ilmiah. Banyak sekali hasil tulisan dan fikiran yang dicurahkan, apatah lagi pandangan dan komen yang dimuatkan di dalam internet dan tabloid-tabloid tertentu masih berbentuk *superficial* dan komen-komen yang dangkal tentang sosio-agama-politik kita masa kini.

Pembicaraan tentang agama dan politik kelihatan seperti medan ternakan harimau dan binatang buas lain yang menakutkan ramai orang untuk menghampirinya. Malah dalam ungkapan yang lebih berterus terang pembicaraan tentang agama dan politik, terutamanya politik yang berkaitan dengan Islam, amat ditakuti oleh orang, terutamanya para sarjana dan ilmuan Islam yang serius dan berpengetahuan. Mungkin kerana hal inilah maka sungguhpun terdapat ramai orang yang membicarakan tentang tajuk ini, tetapi kalau diperiksa sekali lagi maka akan ternyata kepada kita bahawa orang-orang yang membicarakannya adalah terdiri dari aliran yang sama, dan kalau terdapat orang lain pun, maka mereka mungkin lebih suka menyembunyikan identiti mereka, seperti yang berlaku dalam tulisan dan komen dalam internet dan yang dihantar melalui elektronik mel.

Dalam keadaan ini, maka pembicaraan tentang agama dan politik akan menjelma menjadi pandangan *stereo-type* dengan melahirkan isu-isu yang sama dan membangkitkan isu-isu lama yang telah selesai dibicarakan sebelum ini. Dalam konteks yang sama juga maka hujah dan pemikiran tentang isu agama dan politik tidak banyak yang lahir dari dimensi yang baru, disaluti oleh ilmu pengetahuan terkini atau penemuan baru dengan ufuk pemikiran yang lebih luas.

Pembicaraan tentang hal ini lebih menarik minat para ahli politik yang menjadikan objektif pembicaraannya lebih berat kepada mempertahankan ideologi kepartiannya dan mencari jalan supaya pandangan umum dapat dipengaruhi berhabis-habisan. Pembicaraan begini selalunya menjurus kepada penghujahan yang *simplistik* dan dangkal bertujuan semata-mata untuk mempengaruhi pandangan umum, terutamanya orang ramai yang agak kurang pendidikannya.

Para ilmuan yang sejati ketika ini merasa amat 'non-committal' tidak mahu turut terlibat dan tidak mahu sama sekali terjun ke tengah gelanggang untuk menyatakan sikap dan pendiriannya yang sebenar, takut turut terheret ke dalam kancah pertelagahan yang dipandanginya 'tidak sesuai' dihampiri kerana kecemaran dan kekotoran perkara-perkara yang dibicarakan itu.

Saya rasa inilah isu yang sedang kita hadapi dalam dunia intelektual dan keilmuan Islam pada hari ini, iaitu ketandusan polimik ilmu dan kemerosotan pembicaraan yang bersifat saintifik berdasarkan perkembangan pemikiran Islam sejati seperti yang diwarisi dari sejarah dan tamaddun Islam itu sendiri.

Kalau dikaji sejarah pembangunan dan perkembangan intelektual dan falsafah pemikiran manusia, maka ternyata sekali bahawa dalam kurun pertengahan, dunia Islamlah satu-satunya yang menghasilkan para pemikir yang berwibawa dalam segala aspek ilmu pengetahuan. Dunia Barat masih berada dalam zaman kegelapan ketika para ilmuan Islam telah pun menerokai bidang ilmu falsafah, sains, teknologi, pelayaran dan lain-lain lagi. Perhubungan Barat dan dunia Islam merupakan jalan sehalu yang menyaksikan tamadun dan pembangunan ilmu pengetahuan adalah datangnya dari dunia Islam.

Bagaimanapun cahaya kegemilangan itu mengalami zaman kemalapannya menjelang kurun keempat belas, terutamanya dalam bidang sains dan teknologi, disebabkan oleh beberapa kemalapan pemikiran orang-orang Islam, khususnya ketika timbulnya beberapa unsur yang menutup pemikiran orang-orang Islam daripada terus membuka ruang penerokaan pengetahuannya disebabkan belenggu konsep *bid'ah* yang ditimbulkan ketika itu. Konsep *bid'ah* yang dimaksudkan untuk menghalang pencemaran akidah

dan amalan syariah itu seolah-olah terus menutup ruang-ruang inovasi dan kreativiti orang-orang Islam dalam pembangunan ilmu keduniaan yang menjadi cabaran dunia moden dan proses pembangunan global. *Bid'ah* tentunya tidak timbul dalam pembangunan moden yang tidak bertentangan dengan prinsip dan nilai-nilai akhlak dan kerohanian agama. Manusia masih bebas berfikir dan menganalisis segala sesuatu jika ia benar-benar mempunyai pengetahuan asas dalam agama dan nilai-nilai moral kerohaniannya. Tegasnya pintu ilmu dan penerokaan pengetahuan tetap terbuka dengan luasnya di hadapan para ilmuan Islam buat selama-lamanya. Kenapakah maka dalam keadaan ini para ilmuan Islam merasa teragak-agak untuk membicarakan isu-isu yang menyentuh kepentingan agama dan negaranya?

Dari sudut yang lain, kemalapan dan sikap ketidakaktifan para ilmuan Islam untuk membicarakan isu-isu agama dan politik ini, besar kemungkinannya juga untuk tidak terlibat dalam pembicaraan yang dipandanginya terlalu banyak unsur politik sempit yang diasaskan di atas emosi dan sentimen melulu. Mungkin dari apa yang dilihat dan dikajinya, ternyata bahawa terdapat para ulamak yang terlalu banyak bermain politik sempit dan bersikap fanatik. Dilihatnya juga para ilmuan Islam ketika ingin membicarakan Islam sering membicarakannya dari platform politik kepartian, sedangkan pada pandangannya, para ilmuan dan akademik haruslah bersikap lebih objektif dan rasional dalam menegakkan isu dan hujahnya.

Kalau demikianlah keadaannya, maka selama-lamanya isu-isu Islam di negara kita akan terus dipolitikkan. Pembicaraan isu agama akan terus berkekalan dalam acuan politik yang sempit bertatahkan emosi dan sentimen melulu. Isu-isu agama akan dibicarakan dalam bentuk retorika dangkal tanpa agenda operasional yang konkrit dan tanpa kepekaan kepada realiti di sekeliling. Pembicaraan akan berkisar di sekitar kenyataan-kenyataan umum

yang tidak berasaskan ilmu pengetahuan yang mendalam. Selama-lamanya isu sekular dan sekularisma, negara Islam, perundangan yang berasaskan 'hudud' umpamanya akan dibangkitkan tanpa pengetahuan tentang konsep sebenar dan perlaksanaannya kini, apakah ianya satu permainan semantik dan kata-kata, atau ianya satu pembicaraan yang memerlukan analisis yang panjang dan praktikal.

Dalam keadaan begini, para intelek Islam seharusnya segera melibatkan diri dalam mengupas isu-isu ini secara aktif dan positif, mereka seharusnya lebih bersikap pro-aktif dan keluar ke tengah-tengah arena untuk memperkatakan yang benar berdasarkan kajian fakta dan akar umbi persoalan yang dibicarakan itu. Kenyataan seperti "kembali kepada al-Quran dan Sunnah" haruslah disertakan dengan agenda dan prinsip-prinsipnya yang harus diatur dan dilaksanakan fasa demi fasa untuk benar-benar direalisasikan prinsip-prinsip ajaran al-Quran dan Sunnah, kalau tidak maka selama-lamanya kenyataan itu akan hanya merupakan slogan yang tidak diketahui bagaimanakah harus diberikan pengisian dalam bentuk program dan agenda yang melibatkan dasar negara.

DirC/KKKUIM

